

05 NOV 2002

KELUARGA-FDI/I

PERNIAGAAN KELUARGA BESAR JAWAPAN KEPADA KEKURANGAN FDI

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Perniagaan-perniagaan oleh keluarga yang besar yang telah membentuk satu segmen penting di sektpr korporat Malaysia, adalah jawapan kepada kekurangan Malaysia dalam Pelaburan Langsung Asing (FDI), kata rakan kongsi pengurusan firma perakaunan dan penasihat perniagaan Shamsir Jasani Grant Thornton, Datuk N K Jasani.

"Perniagaan-perniagaan oleh keluarga yang besar telah membentuk satu segmen penting sektor korporat kita dan dengan galakan-galakan, adanya pembiayaan dan arah haluan, syarikat-syarikat ini kini memenuhi jurang pelaburan di dalam masa genting ini bagi negara kita," kata beliau di dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Jasani, perniagaan keluarga merupakan kira-kira 80 peratus daripada syarikat-syarikat di Malaysia dan mempunyai potensi tertinggi dalam memenuhi jurang pelaburan itu.

FDI ke dalam Malaysia telah memperlihatkan penurunan ketara sepanjang beberapa tahun lalu. Dalam tahun 2000, FDI berjumlah RM14 bilion manakala bagi 2001 ia cuma RM2.1 bilion.

Jasani berkata belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengimbaskan lebih kebimbangan terhadap penurunan mendadak dalam FDI dan usaha-usaha patutlah dibuat untuk meningkatkan pelaburan dalam negeri.

"Ini ialah di mana peniagaan-perniagaan oleh keluarga yang besar boleh menggantikan bahagian besar pelaburan domestik. Rangkaian perniagaan keluarga kita yang besar terdiri daripada kumpulan-kumpulan yang dimiliki secara persendirian sehingga syarikat-syarikat senarai awam yang termasuk YTL Corporation, Genting, Sapura, MTD, Muda, Boon Siew dan Kamdar," tambah Jasani yang juga pengerusi Panel Perniagaan Keluarga di Malaysia.

Sementara syarikat-syarikat pelbagai negara mungkin berpindah ke negara-negara lain seperti China untuk kelebihan yang paling kecil, perniagaan-perniagaan keluarga Malaysia mempunyai perhubungan jangka panjang yang lebih dengan negara, katanya.

Penyelidikan Orang Ramai dan Isu-isu Perhubungan dalam Pengurusan (PRIMA) yang dikendalikan di Malaysia sebelum ini mendapati bahawa tahap perniagaan keluarana yang besar telah meletakkan pergantungan yang besar kepada dana-dana keluarga, dengan itu menjadi halangan kepada mereka yang tidak mempunyai kemudahan capaian kepada sumber-sumber sumpama itu.

Pembiayaan telah disebut sebagai satu daripada isu-isu paling mendesak oleh pemilik-pemilik perniagaan di Malaysia.

Pandangan berat itu juga diperetujui oleh perniagaan-perniagaan keluarga di seluruh dunia yang menghadapi tekanan yang meningkat, dengan lebih banyak kebimbangan mengenai membiayai firma itu dan perancangan pengganti.

"Patutlah menjadi matlamat kerajaan untuk mengadakan galakan yang lebih besar bagi mereka untuk meningkatkan pelaburan domestik mereka dan menstrategikan operasi tempatan mereka dengan usaha-usaha niaga seberang laut mereka," katanya.

Bank-bank patut juga sedar bahawa perniagaan-perniagaan keluarga besar adalah risiko yang lebih rendah daripada perniagaan-perniagaan dengan ekuiti yang besar tidak dimiliki oleh kerluarga atau sesuatu kumpulan. Kepentingan peribadi mereka dan dorongan kuat untuk berjaya adalah ramuan-ramuan yang baik bagi pengurusan kewangan yang kukuh dan input jangka panjang kepada ekonomi Malaysia," Jasani menambah kata.

Laporan penyelidikan global PRIMA adalah satu kajian penyelidikan antarabangsa yang dijalankan di kalangan pengurus-pemilik perniagaan bebas dan keluarga di 26 negara sekitar dunia untuk menerokai isu-isu semasa yang menghadapi perniagaan kendalian keluarga dan diurus pemilik hari ini.

Laporan itu sedang dilancarkan serentak pada 6 Nov, 2002 di seluruh dunia, bersama-sama dengan laman web barunya yang dikhaskan kepada beberapa isu perniagaan keluarga.

Malaysia adalah salah satu daripada 26 negara peserta dan menyelesaikan penyelidikan itu pada Januari tahun ini, bergabung dengan Institut Pengurusan Malaysia (MIM) dan mengkaji selidik sejumlah 225 syarikat. Penyelidikan itu dikenali sebagai kajian "Keluarga dan Perniagaan" di Malaysia. -- BERNAMA

SHI KTC OS